

Berkaitan dengan media siber, Jabatan dan Agensi di bawah KKMM menggunakan pelbagai platform seperti Facebook, YouTube, Twitter, laman portal, laman blog dan sebagainya bagi menjelaskan lagi dasar-dasar Kerajaan secara mudah, tepat dan kreatif dalam mendekati kumpulan generasi muda terutamanya.

Selain itu, sebagai media elektronik rasmi kerajaan, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), BERNAMA dan lain-lain penyiar arus perdana menggunakan pelbagai bentuk program seperti program temubual, program majalah, program turun padang, berita, berita tebuk (*break-in news*) termasuk pesanan khidmat awam (PKA) bagi menjelaskan dasar-dasar negara kepada semua lapisan masyarakat.